

Kereta dipandu anggota TUDM terbabas ke dalam parit

Ibu maut jemput anak mengaji

KOSMOS 19/2/2011 12

Oleh KHAIRI MOHAMAD
dan KAMARUDIN HAMZAH
berita@kosmo.com.my

BESUT – Hasrat seorang ibu untuk pulang ke rumah selepas menjemput empat anaknya dari kelas mengaji al-Quran berkecai apabila dia maut manakala kesemua anaknya parah selepas kereta jenis Proton Iswara yang dinaiki mereka terbabas ke dalam parit di Kampung Nyiur Tujuh dekat sini kelmarin.



Kejadian pukul 5.30 petang itu mengakibatkan Zubaidah Shamsudin (gambar), 31, maut ketika dalam perjalanan ke Hospital Besut. Allahyarham merupakan anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Pangkalan Udara Gong Kedak berpangkat Sarjan Udara.

Empat anaknya, Amirul Syafiq Aidi Asma, 11, Ahmad Fitri Hakim, 5, Aminuddin Akmal, 9 dan Adam Hasif, 1, cedera dan dirawat di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, Kelantan.

Amirul Syafiq koma selepas cedera di kepala, Aminuddin dan Ahmad Fitri patah paha kanan manakala Adam Hasif retak tulang rusuk.

Difahamkan, sebelum kejadian, lima beranak itu dalam perjalanan pulang ke rumah mereka di kem TUDM di sini melalui Kampung Raja. Jarak di antara rumah mereka dengan lokasi mengaji kira-kira 15 kilometer.



AIDI ASMA memperkatakan sesuatu kepada Aminuddin Akmal ketika ditemui di HUSM semalam.

“Saya lihat isteri saya tersepit dan terus memangku kepalanya untuk mengajarnya mengucapkan syahadah

AIDI ASMA ADDIRUS

Timbalan Ketua Polis Daerah, Deputy Supritendan Mohd. Zainy Mohd. Noor berkata, kejadian berlaku apabila kereta yang dipandu Zubaidah gagal dikawal sebelum terbabas ke dalam parit di sebelah kanan jalan.

Katanya, ekoran itu, mangsa telah tersepit di bahagian depan kereta sebelum dikeluarkan oleh anggota bomba dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) setengah jam kemudian.

“Mangsa yang dikejarkan ke Hospital Besut disahkan meninggal dunia pada pukul 7.50 malam. Empat anak

mangsa pula cedera parah dan dirawat di HUSM,” katanya.

Sementara itu di Kota Bharu, Kelantan, suami mangsa yang juga anggota TUDM di situ, Flait Sarjan Aidi Asma Addirus, 38, memberitahu, kebiasaannya dia yang akan menjemput anak-anaknya pulang dari kelas mengaji al-Quran di Kampung Beris Pak Abu, Besut tetapi kelmarin dia meminta isterinya berbuat demikian kerana mempunyai tugas.

Katanya, selepas kira-kira 15 minit, dia menerima



ANGGOTA bomba dan JPAM bertungkus-lumus mengeluarkan Zubaidah yang tersepit sebelum dia disahkan meninggal dunia dalam kemalangan di Besut kelmarin.

panggilan daripada seseorang menggunakan telefon isterinya mengatakan mereka terlibat dalam kemalangan.

“Sebaik sampai, saya lihat isteri saya tersepit dan saya terus memangku kepalanya untuk mengajarnya mengucapkan syahadah. Selepas setengah jam, dia dapat dikeluarkan dan terus dibawa ke Hospital Besut sebelum dia disahkan meninggal dunia sejam kemudian,” ceritanya sambil menahan sedih.

Jenazah mangsa dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Seberang Lalang Kiri, Tandak, Alor Star, Kedah.